

Pelaporan Sosial Korporat di Malaysia: Analisis ke atas Laporan Tahunan 1990-1998 bagi Industri Perladangan, Produk Pengguna dan Produk Perindustrian

**Hamezah Md. Nor
Azlina Ahmad
Selamat Kundari**

ABSTRAK

Dalam ketiadaan statutori dan garis panduan profesional yang menyeluruh berhubung dengan perakaunan sosial di Malaysia, kebanyakan pendedahan bergantung kepada pertimbangan pihak pengurusan. Oleh itu, kajian ini menyelidiki amalan pelaporan sosial korporat di Malaysia dari tahun 1990 sehingga 1998. Sampel terdiri daripada 32 syarikat dalam tiga industri (produk perindustrian, produk pengguna dan perladangan). Sejumlah 288 buah laporan tahunan syarikat telah diperiksa menggunakan analisis kandungan. Bilangan ayat dijadikan unit pengukuran. Keputusan menunjukkan terdapat peningkatan pelaporan maklumat sosial dan perhatian utama tertumpu kepada isu-isu berkaitan dengan sumber manusia. Kebanyakan pendedahan adalah berbentuk kualitatif dan syarikat lebih cenderung untuk melaporkan maklumat yang baik untuk menjaga imej syarikat. Penemuan daripada kajian ini membayangkan bahawa maklumat sosial dianggap "material" kepada para pengguna laporan kewangan. Oleh itu, suatu garis panduan diperlukan untuk memperbaiki kualiti pelaporan sosial oleh syarikat-syarikat di Malaysia.

ABSTRACT

In the absence of comprehensive statutory and professional guidance on social accounting in Malaysia, most disclosures have been left to the company management's discretion. Therefore, this study tries to investigate corporate social reporting practices in Malaysia from 1990 to 1998. The sample consisted of 32 Malaysian corporations drawn from three industries (industrial products, consumer products and plantations). A total of 288 company annual reports were examined using content analysis. The number of sentences was used as the unit of measurement. The result shows that there is a trend towards greater social disclosure with the main focus on issues relating to human resources. Most disclosures are in qualitative form and firms tend to present information which are in favour of their corporate

image. Findings from this research imply that social information is considered "material" to the users of financial statements. Therefore, a set of guidelines is needed to improve the quality of social reporting by companies in Malaysia.

PENGENALAN

Keperluan terhadap perakaunan sosial timbul kesan daripada kegagalan amalan perakaunan yang sedia ada untuk menghubungkan kesan sosial dengan persekitaran daripada tindakan ekonomi organisasi terhadap masyarakat (Muhd Kamil 1994). Oleh itu perakaunan sosial telah diperkenalkan untuk mengisi jurang yang wujud di antara skop perakaunan tradisional (yang menekankan aspek keberuntungan) dengan skop perakaunan yang harus melihat peranan entiti secara keseluruhannya (Mohd. Khir Ashari 1991). Menerusi dimensi perakaunan sosial ini, pembangunan amalan perakaunan perlulah mengambilkira kepentingan pengguna-pengguna laporan kewangan lain selain daripada pemegang saham (Glautier & Underdown 1997). Ini kerana perniagaan sebenarnya terdiri daripada kombinasi pelbagai kumpulan yang terdiri daripada pemodal, pekerja, pemberi pinjaman, pelanggan, pembekal, kerajaan dan masyarakat yang mempunyai kepentingan dan memberi sumbangan di dalam pelbagai bentuk yang berbeza (*Accounting Standards Steering Committee 1975*). Oleh itu, usaha-usaha tertentu perlulah dilakukan untuk memperbaiki ketidakseimbangan yang wujud di dalam penawaran maklumat oleh syarikat seperti yang diamalkan sekarang.

Keperluan terhadap pelaporan sosial korporat turut mendapat perhatian beberapa institusi perakaunan di Amerika Syarikat. *The Study Group on Objectives of Financial Statement 1973* misalnya, telah mencadangkan agar pelaporan aktiviti sosial firma dijadikan sebagai salah satu objektif penyata kewangan. Manakala *The American Institute of Public Accountants' Committee*, telah menjalankan kajian berhubung dengan masalah pembangunan sistem pengukuran bagi perakaunan sosial. Senario serupa juga berlaku di United Kingdom. Satu kumpulan kerja telah dibentuk oleh *The Accounting Standard Steering Committee of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales* dalam tahun 1974 untuk memeriksa semula pengguna, skop dan matlamat laporan kewangan yang diterbitkan. Satu laporan yang dikenali sebagai *The Corporate Report 1975* telah dikeluarkan. Laporan ini telah memberi penekanan berhubung dengan penerbitan penyata tambahan yang boleh digunakan untuk memperbaiki kebajikan sosial dan ekonomi masyarakat.

Di Malaysia, sehingga kini belum ada undang-undang, piawaian perakaunan atau prasyarat profesional yang menyeluruh yang mewajibkan pelaporan sosial dikeluarkan melainkan perkara-perkara yang berkaitan dengan manfaat pesaraan (rujuk IAS 19: *Accounting For Retirement Benefits*

In The Financial Statements Of Employers). Oleh itu, kebanyakan pendedahan yang dilakukan adalah secara sukarela dan bergantung kepada budi bicara pihak pengurusan syarikat. Memandangkan ianya bukan merupakan satu aktiviti yang sistematik, maka keadaan ini mungkin akan menimbulkan variasi dari segi pelaporan maklumat sosial di dalam laporan tahunan di antara satu syarikat dengan syarikat yang lain. Oleh itu, timbul persoalan bagaimanakah amalan pelaporan maklumat sosial yang diamalkan oleh syarikat-syarikat di Malaysia tanpa perundangan atau peraturan menyeluruh mendasarinya? Apakah ciri-ciri maklumat sosial yang dilaporkan?

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan ini bertujuan untuk mengkaji amalan pelaporan sosial yang diamalkan oleh syarikat-syarikat di dalam industri perladangan, produk pengguna dan produk perindustrian. Antara objektif yang cuba dicapai ialah:-

1. Mengkaji arah aliran pelaporan maklumat sosial bagi ketiga-tiga industri sepanjang tempoh 1990 sehingga 1998.
2. Mengkaji ciri-ciri pelaporan maklumat sosial yang diamalkan. Ciri-ciri tersebut ialah tema, bukti dan berita pelaporan maklumat sosial.

KAJIAN LEPAS

Penelitian ke atas kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa kebanyakan kajian adalah tertumpu kepada negara-negara maju seperti Amerika Syarikat (Belkaoui & Karpik 1989; Guthrie & Parker 1990), United Kingdom (Gray, Owen & Maulders 1987, 1995a, 1995b; Guthrie & Parker 1990) dan Australia (Trotman & Bradley 1981; Guthrie & Parker 1990; Deegan & Rankin 1996, 1997). Di negara-negara membangun dan perindustrian baru terutamanya di Malaysia, kajian sebegini kurang dijalankan.

KAJIAN PELAPORAN SOSIAL KORPORAT DI MALAYSIA

Hanya dua kajian sahaja yang dikenalpasti telah dijalankan di Malaysia berkaitan dengan isu pelaporan sosial iaitu oleh Teoh dan Thong (1986) serta Ho Sow Kin (1986). Dalam kajian Teoh dan Thong (1986), temuduga dengan menggunakan soal-selidik telah dijalankan ke atas ketua pegawai eksekutif di 100 buah syarikat yang beroperasi di Malaysia. Keputusan menunjukkan bahawa pihak pengurusan lebih memberi tumpuan kepada pelaporan aspek sumber manusia dan produk atau perkhidmatan berbanding dengan tema-tema lain. Walau bagaimanapun, pelaporan yang dilakukan tidak seiring dengan penglibatan syarikat dalam aktiviti sosial di mana tahap pelaporan adalah lebih rendah berbanding dengan penglibatan sosial.

Manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Ho Sow Kin (1986), beliau mendapati bahawa sektor perindustrian merupakan industri yang paling banyak melaporkan maklumat sosial. Kajian beliau juga mendapati syarikat yang bersaiz besar lebih cenderung untuk melaporkan maklumat sosial berbanding dengan syarikat yang bersaiz kecil. Secara keseluruhannya, pendedahan sosial oleh syarikat di Malaysia lebih berbentuk pendedahan sepintas lalu. Bagi kategori maklumat sosial pula, keputusan menunjukkan bahawa produk dan perkhidmatan merupakan tema yang paling popular. Keadaan ini dikaitkan dengan alasan bahawa perubahan teknologi memberi pengaruh besar kepada firma. Oleh itu, usaha-usaha berterusan diperlukan untuk menghasilkan produk dengan lebih cekap dan berkualiti setanding dengan pesaing-pesaing. Selain dari itu, pelaporan berkaitan dengan sumber manusia juga turut diberi perhatian melainkan bagi industri perhotelan dan hartanah. Ini disebabkan bentuk aktiviti perniagaan bagi industri tersebut yang berorientasikan perkhidmatan. Oleh sebab itu, penekanan terhadap pekerja kurang diberi tumpuan berbanding dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Hasil kajian beliau juga mendapati bahawa tiada syarikat yang melaporkan maklumat berkaitan dengan tenaga.

KAJIAN PELAPORAN SOSIAL KORPORAT DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Guthrie dan Parker (1990), telah menjalankan analisis perbandingan amalan pendedahan sosial oleh syarikat-syarikat di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia dalam tahun 1991. Keputusan menunjukkan bahawa pendedahan maklumat sosial di Australia agak terhad dengan purata pendedahan 0.7 muka surat berbanding dengan United Kingdom (0.89 muka surat) dan Amerika Syarikat (1.26 muka surat). Perbandingan mengikut tema mendapati bahawa pendedahan maklumat pekerja lebih banyak dilaporkan di ketiga-tiga negara tersebut dan diikuti oleh khidmat masyarakat serta alam sekitar. Kajian mereka juga mendapati tiada syarikat melaporkan berita negatif berhubung dengan prestasi alam sekitar syarikat.

Kajian yang lebih terkini di Australia telah dilakukan oleh Deegan dan Gordon (1996) tetapi lebih tertumpu kepada tema pelaporan alam sekitar sahaja dan tidak melihat pelaporan sosial secara menyeluruh. Hasil kajian mereka mendapati 36% daripada syarikat yang dikaji dikenal-pasti mendedahkan maklumat alam sekitar. Hanya 14 syarikat (7%) melaporkan berita negatif dengan purata perkataan sebanyak 5.7 perkataan. Ini nyata sekali kurang berbanding dengan pendedahan maklumat positif iaitu 180.7 perkataan. Kajian mereka juga mendapati firma di dalam industri yang sensitif dengan alam sekitar lebih banyak melaporkan berita yang bersifat positif. Ini seiring dengan proses untuk memperolehi legitimasi. Perbandingan mengikut tahun menunjukkan peningkatan di dalam pendedahan alam sekitar sepanjang tempoh 1980–1991.

Menurut Deegan dan Rankin (1996), keputusan kajian yang diperolehi oleh Guthrie dan Parker (1990) serta Deegan dan Gordon (1996), yang mendapati terlalu sedikit berita negatif yang dilaporkan mungkin disebabkan syarikat yang dikaji hanya mempunyai berita positif sahaja untuk didedahkan. Oleh itu kajian lanjut telah dijalankan dengan hanya memilih syarikat-syarikat yang melakukan pelbagai kesalahan di bawah undang-undang alam sekitar dan didakwa oleh *Victorian Environmental Protection Authorities (VEPA)*. Sebanyak 18 daripada 20 syarikat yang dikaji didapati melaporkan maklumat alam sekitar di dalam laporan tahunan. Hanya 6 syarikat mendedahkan berita negatif dengan purata perkataan 5.5 perkataan berbanding dengan berita positif (269.64 perkataan). Hasil kajian mereka juga menunjukkan peningkatan yang jelas di dalam pelaporan maklumat positif dalam tahun di mana syarikat didakwa. Perbandingan juga dilakukan di antara syarikat-syarikat yang tidak didakwa dengan syarikat yang didakwa (dipadankan berdasarkan saiz syarikat dan industri). Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa syarikat yang didakwa lebih banyak mendedahkan maklumat positif berbanding dengan syarikat yang tidak didakwa. Keadaan ini mungkin bertujuan untuk mengimbangi kesan pendakwaan yang dikenakan oleh VEPA.

Di New Zealand, bukti kajian di dalam bidang ini boleh dilihat menerusi kajian yang dijalankan oleh Hackston dan Milne (1996). Berdasarkan analisis volum pendedahan (bilangan ayat sebagai unit analisis), tema yang mendapat liputan meluas adalah sumber manusia (purata 14 ayat), diikuti oleh khidmat masyarakat (12 ayat) dan alam sekitar (10 ayat). Maklumat deklaratif lebih banyak dilaporkan (purata 17 ayat) berbanding dengan kuantitatif bukan kewangan (6 ayat) dan kewangan (5 ayat). Dari segi berita pelaporan pula, ianya didominasi oleh berita baik (purata 19 ayat) dan diikuti oleh berita neutral (7 ayat) dan berita tidak baik (4 ayat).

Eric (1998) pula telah menjalankan kajian ke atas tiga jenis industri di Singapura iaitu perbankan, makanan dan minuman serta perhotelan. Kajian berbentuk siri masa ini meliputi tahun 1986 sehingga 1995. 16 daripada 33 syarikat yang dikaji tidak mendedahkan maklumat sosial sepanjang tempoh kajian. Hasil kajian beliau mendapati bahawa tema sumber manusia dan khidmat masyarakat lebih diberi tumpuan berbanding dengan alam sekitar dan lain-lain maklumat sosial. Eric mengaitkan keadaan ini dengan ciri-ciri industri yang dikaji di mana ketiga-tiga industri digolongkan di dalam industri perkhidmatan. Oleh itu, isu-isu seperti alam sekitar dan tenaga bukanlah merupakan tumpuan utama. Dari aspek berita pelaporan pula, tiada syarikat melaporkan berita negatif sepanjang tempoh kajian. Majoriti syarikat yang dikaji melaporkan maklumat berbentuk kualitatif berbanding dengan maklumat kewangan dan kuantitatif bukan kewangan.

Melihat senario di Malaysia, didapati kurangnya kajian empirikal dijalankan dalam bidang ini. Walaupun telah ada usaha untuk meneroka isu

tersebut seperti yang dilakukan oleh Ho Sow Kin (1986), namun kajian yang dijalankan sekadar mengkaji bilangan atau peratusan syarikat yang melaporkan maklumat sosial. Belum ada kajian yang cuba mengukur volum pelaporan yang dibuat oleh syarikat-syarikat di Malaysia. Kajian yang ada juga hanya tertumpu pada satu-satu tahun tertentu sahaja menyebabkan sukar untuk mendapatkan petunjuk berhubung dengan arah aliran pendedahan sosial. Tambahan pula, kajian yang ada agak ketinggalan dan kurang relevan untuk dijadikan rujukan semasa. Oleh itu kajian yang akan dijalankan ini cuba untuk memenuhi kekurangan-kekurangan tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

PEMILIHAN SAMPEL

Syarikat-syarikat yang dipilih terdiri daripada syarikat-syarikat dalam industri produk pengguna, produk perindustrian dan perladangan yang tersenarai di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur. Keputusan untuk menghadkan kajian terhadap tiga jenis industri sahaja adalah bagi mendapatkan maklumat yang mencukupi untuk tujuan analisis data. Ketiga-tiga industri tersebut juga dikenalpasti sebagai industri yang sensitif dengan alam sekitar. Oleh itu, diandaikan industri-industri ini akan membuat pendedahan yang lebih banyak berhubung dengan maklumat alam sekitar. Ini juga seiring dengan kajian-kajian semasa yang lebih tertumpu kepada syarikat yang sensitif dengan alam sekitar (Harte & Owen 1991; Deegan & Gordon 1996; Deegan & Rankin 1996). Teknik pensampelan berstrata digunakan dan pemilihan syarikat di dalam setiap industri dilakukan secara rawak dengan menggunakan jadual nombor rawak.

Bagi tujuan analisis pelaporan sosial, laporan tahunan syarikat-syarikat yang terpilih bagi tahun 1990 sehingga 1998 akan disemak. Oleh itu syarikat-syarikat tersebut mestilah disenaraikan di BSKL sebelum tahun 1990. Secara keseluruhannya, bilangan syarikat yang terpilih berjumlah 32 buah dan laporan tahunan yang akan diperiksa berjumlah 288 (Jadual 1).

JADUAL 1. Bilangan syarikat dan laporan tahunan yang dikaji

| Industri | Sampel industri yang dikaji | Sampel Laporan Tahunan yang disemak (1990-1998) |
|-------------------------|-----------------------------|---|
| 1. Perladangan | 7 | $7 \times 9 = 63$ |
| 2. Produk Pengguna | 10 | $10 \times 9 = 90$ |
| 3. Produk Perindustrian | 15 | $15 \times 9 = 135$ |
| Jumlah | 32 | 288 |

KAEDAH PENGUKURAN

Kaedah pengukuran yang digunakan ialah kaedah analisis kandungan. Ia merupakan kaedah yang paling popular dan kerap-kali digunakan di dalam kajian perakaunan sosial (Foo & Tan 1988; Zeghal & Ahmed 1990; Davey, 1982; Lay, 1985; Deegan & Rankin, 1996; Hackston & Milne 1996; Eric 1998). Tambahan pula, kaedah ini membenarkan kutipan data dilakukan walaupun dalam volum yang banyak, sesuai digunakan untuk kajian berbentuk siri masa serta membolehkan analisis dilakukan ke atas dokumen-dokumen yang tidak berstruktur (Lay 1985).

Menurut Krippendorff (1980: 21), analisis kandungan merupakan "...a research technique for making replicable and valid inferences from data to their context". Ia melibatkan dua aktiviti utama iaitu:

- a. Pembentukan skema pengklasifikasian
Ia melibatkan penetapan satu set instrumen soal-selidik atau lembaran kerja di mana data-data yang dikutip akan direkodkan.
- b. Pembentukan satu set peraturan tentang *apa* dan *bagaimana* data-data perlu dikodkan, diukur dan direkodkan. (Milne & Adler 1999)

Kedua-dua perkara tersebut merupakan elemen yang penting untuk memindahkan teks yang tidak berstruktur kepada rekod kandungan yang berstruktur (Krippendorff 1980). Pembentukan instrumen soal-selidik di dalam kajian ini adalah dengan merujuk kepada pendekatan yang dipakainya oleh Hackston dan Milne (1996) yang berasaskan kepada kerja-kerja awal oleh Davey (1982) dan Lay (1985). Antara perkara yang terkandung di dalam instrumen tersebut adalah berkaitan dengan tema maklumat sosial (alam sekitar, khidmat masyarakat, sumber manusia, tenaga, produk atau perkhidmatan dan lain-lain pelaporan sosial), bukti pelaporan (kewangan, kuantitatif bukan kewangan dan kualitatif), berita pelaporan (positif dan negatif) serta volum pendedahan (bilangan ayat yang didedahkan).

Volum pendedahan Volum pendedahan maklumat sosial diukur menggunakan asas bilangan ayat. Asas ini dipilih kerana dari aspek pengiraan, ia merupakan unit pengukuran yang paling tepat berbanding dengan bilangan muka surat atau perkataan (Eric 1998) serta mudah dikenal-pasti (Ingram & Frazier 1980).

SENARAI TEMA BAGI PELAPORAN MAKLUMAT SOSIAL

Senarai asal diperolehi dari kajian yang dijalankan oleh Hackston dan Milne (1996) di New Zealand dengan membuat sedikit perubahan untuk disesuaikan dengan situasi di Malaysia. Senarai ini telah dipra-ujikan terlebih dahulu di mana beberapa sampel laporan tahunan telah disemak untuk melihat kesesuaiannya dengan skop kajian ini. Berikut adalah senarai tema-tema sosial yang dikaji:

1. Sumber Manusia
Laporan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat untuk menjaga kebajikan, keselamatan dan pembangunan diri pekerja. Pekerja yang dimaksudkan di sini termasuklah pesara dan juga bakal pesara.
2. Produk/Perkhidmatan
Laporan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat untuk menjana dan mengekalkan tahap kepuasan yang akan dinikmati oleh pelanggan daripada produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat serta keselamatan penggunaan produk tersebut.
3. Khidmat Masyarakat
Laporan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilibati oleh syarikat yang mana tujuannya untuk memberi manfaat kepada golongan tersebut.
4. Alam Sekitar
Laporan usaha-usaha yang dijalankan oleh syarikat untuk mengawal dan memperbaiki keadaan alam sekitar dan juga pematuhan undang-undang alam sekitar.
5. Tenaga
Laporan aktiviti-aktiviti yang boleh menjimatkan penggunaan tenaga seperti usaha-usaha penyelidikan dan penggunaan bahan sisa buangan.
6. Lain-lain maklumat sosial
Penglibatan syarikat dengan aktiviti-aktiviti sosial yang tidak tersenarai di atas (1-5).

Tema lain-lain maklumat sosial diwujudkan kerana menurut Gray et. al (1995a), ianya perlu untuk untuk membolehkan apa jua maklumat sosial yang dilaporkan oleh syarikat yang tidak termasuk di dalam kategori (1) hingga (5) diambilkira.

BUKTI PELAPORAN MAKLUMAT SOSIAL

Kajian ini telah membahagikan bukti pelaporan kepada tiga aspek iaitu:-

1. *Maklumat yang berbentuk kuantitatif kewangan* Laporan aktiviti-aktiviti sosial syarikat yang melibatkan kewangan.
2. *Maklumat yang berbentuk kuantitatif bukan kewangan* Laporan aktiviti-aktiviti sosial syarikat yang dinyatakan di dalam bentuk kuantitatif bukan kewangan.
3. *Maklumat berbentuk kualitatif* Pernyataan umum yang dikeluarkan oleh syarikat berkaitan dengan sesuatu perkara yang diterangkan di dalam bentuk kualitatif.

BERITA PELAPORAN MAKLUMAT SOSIAL

Berita pelaporan pula diklasifikasikan kepada dua jenis seperti berikut:-

1. Baik (Positif). Laporan aktiviti-aktiviti syarikat yang memberikan impak yang positif kepada masyarakat.

2. Tidak baik (Negatif). Laporan aktiviti-aktiviti syarikat yang memberikan impak yang negatif kepada masyarakat atau kegagalan syarikat untuk menyelesaikan masalah sosial.

Definisi positif dan negatif yang dikemukakan di atas adalah selari dengan definisi yang diguna-pakai oleh Guthrie dan Parker (1989) di dalam kajian mereka ke atas syarikat BHP (Broken Hill Proprietary Company Ltd.) di Australia di antara tahun 1885 sehingga 1995.

Menurut Guthrie dan Mathew (1985), di samping tema-tema pelaporan maklumat sosial, bukti dan berita pelaporan juga perlu dikaji. Ini kerana dengan mengkaji kedua-dua aspek tersebut ia membolehkan kualiti sesuatu bukti dan berita itu diperolehi (Gray, Owen & Maulders 1995a).

HASIL KAJIAN

Kesemua analisis statistik inferens yang dijalankan di dalam kajian ini menggunakan statistik tidak berparameter kerana data-data didapati tidak bertaburan secara normal. Ini disokong oleh ujian *Kolmogorov-Smirnov* yang dijalankan. Keputusan yang diperolehi menunjukkan hampir kesemua data-data tersebut tidak bertaburan secara normal pada aras keertian 1% hingga 10%.

ARAH ALIRAN PELAPORAN MAKLUMAT SOSIAL

Jadual 2 menunjukkan arah aliran pelaporan maklumat sosial bagi industri yang dikaji. Secara umumnya, hampir kesemua syarikat (93.75%) ada melaporkan maklumat sosial di dalam laporan tahun sepanjang tempoh yang dikaji (purata ayat = 11.76). Namun, perbandingan mengikut industri mendapati bahawa jumlah maklumat sosial yang dilaporkan oleh industri perladangan agak rendah (purata ayat = 3.81) berbanding dengan industri produk pengguna dan perindustrian (17.53 ayat dan 11.63 ayat).

Analisis mengikut tahun menunjukkan bilangan syarikat yang melaporkan maklumat sosial meningkat dari tahun ke tahun iaitu daripada 19 buah syarikat dalam tahun 1990 kepada 27 buah syarikat dalam tahun 1998. Arah aliran yang serupa juga dapat diperhatikan apabila pendedahan sosial diukur berasaskan bilangan ayat. Purata ayat yang dilaporkan oleh setiap syarikat meningkat daripada 7.88 ayat dalam tahun 1990 kepada 14.88 ayat dalam tahun 1998. Peningkatan yang ketara berlaku terutamanya di pertengahan tahun 1990-an. Keadaan yang serupa turut diperhatikan apabila pengklasifikasian mengikut industri dilakukan sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual 2.

Analisis lanjut dengan menggunakan ujian *Kruskal-Wallis* dan *Mann-Whitney U* turut dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan

JADUAL 2. Pelaporan maklumat sosial dari tahun 1990 hingga 1998

| Tahun | Produk Perindustrian (n=15) | | | Produk Pengguna (n=10) | | | Perladangan (n=7) | | | Jumlah Keseluruhan (N=32) | | |
|-----------|-----------------------------|--------|-------|------------------------|------|-------|-------------------|--------|-------|---------------------------|--------|-------|
| | BSM | %BSM | PAYDL | BSM | %BSM | PAYDL | BSM | %BSM | PAYDL | BSM | %BSM | PAYDL |
| 1990 | 8 | 53% | 10.60 | 8 | 80% | 8.00 | 3 | 43% | 1.86 | 19 | 59% | 7.88 |
| 1991 | 8 | 53% | 10.53 | 10 | 100% | 17.80 | 3 | 43% | 2.14 | 21 | 66% | 10.97 |
| 1992 | 9 | 60% | 10.93 | 10 | 100% | 19.60 | 4 | 57% | 2.14 | 23 | 72% | 11.72 |
| 1993 | 10 | 67% | 8.67 | 10 | 100% | 13.40 | 4 | 57% | 2.86 | 24 | 75% | 8.87 |
| 1994 | 11 | 73% | 8.93 | 10 | 100% | 14.50 | 5 | 71% | 3.00 | 26 | 81% | 9.37 |
| 1995 | 12 | 80% | 12.53 | 9 | 90% | 20.50 | 5 | 71% | 3.29 | 26 | 81% | 13.00 |
| 1996 | 13 | 87% | 14.20 | 9 | 90% | 14.70 | 5 | 71% | 5.43 | 27 | 84% | 12.44 |
| 1997 | 13 | 87% | 16.33 | 10 | 100% | 24.60 | 5 | 71% | 6.43 | 28 | 88% | 16.75 |
| 1998 | 13 | 87% | 11.93 | 9 | 90% | 24.70 | 5 | 71% | 7.14 | 27 | 84% | 14.88 |
| 1990-1998 | 14 | 93.33% | 11.63 | 10 | 100% | 17.53 | 6 | 85.71% | 3.81 | 30 | 93.75% | 11.76 |

n = Bilangan syarikat

BSM = Bilangan syarikat yang melaporkan maklumat sosial

%BSM = Peratusan syarikat yang melaporkan maklumat sosial

PAYDL = Purata ayat yang dilaporkan oleh setiap syarikat

yang signifikan ataupun tidak berhubung dengan jumlah pelaporan maklumat sosial di kalangan ketiga-tiga industri. Jadual 3 menunjukkan keputusan terperinci bagi ujian *Kruskal-Wallis*. Manakala bagi ujian *Mann-Whitney U* pula, hanya ringkasan keputusan sahaja yang ditunjukkan.

Berdasarkan Jadual 3, keputusan untuk keseluruhan tempoh kajian (1990-1998) menunjukkan perbezaan yang signifikan di dalam jumlah pelaporan maklumat sosial di kalangan ketiga-tiga industri ($p < 0.01$). Ujian *Mann-Whitney U* yang diperolehi mendapati bahawa maklumat sosial paling kurang dilaporkan oleh syarikat-syarikat di dalam industri perladangan berbanding dengan industri produk perindustrian ($p < 0.01$) dan produk pengguna ($p < 0.01$).

JADUAL 3. Keputusan ujian *kruskal-wallis* mengikut tahun

| Tahun | Nilai H | Nilai P |
|-----------|---------|----------|
| 1990 | 2.645 | 0.266 |
| 1991 | 7.306 | 0.026** |
| 1992 | 5.839 | 0.054*** |
| 1993 | 5.817 | 0.055*** |
| 1994 | 5.911 | 0.052*** |
| 1995 | 4.867 | 0.088*** |
| 1996 | 4.235 | 0.120 |
| 1997 | 2.660 | 0.264 |
| 1998 | 2.280 | 0.320 |
| 1990-1998 | 37.280 | 0.000* |

* Signifikan pada aras keertian 1%

** Signifikan pada aras keertian 5%

*** Signifikan pada aras keertian 10%

Analisis mengikut tahun sebaliknya menunjukkan keputusan yang berbeza-beza iaitu daripada perbezaan yang paling signifikan dalam tahun 1991 ($p=0.026$) kepada perbezaan yang paling tidak signifikan dalam tahun 1998 ($p=0.320$). Secara keseluruhannya, perbezaan yang signifikan dapat diperhatikan di peringkat awal tahun-tahun yang dikaji iaitu dari tahun 1991 sehingga 1995. Bagi tahun-tahun berikutnya, keputusan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di dalam jumlah pelaporan maklumat sosial di kalangan ketiga-tiga industri tersebut. Ini menunjukkan ketiga-tiga industri melaporkan maklumat sosial dalam volum(bilangan ayat) yang hampir sama. Keputusan ini boleh dikaitkan dengan keputusan analisis arah aliran sebelum ini yang mendapati berlakunya peningkatan di dalam pelaporan maklumat sosial sepanjang tempoh kajian terutamanya pada pertengahan tahun 1990-an di kalangan ketiga-tiga industri tersebut.

CIRI PELAPORAN MAKLUMAT SOSIAL

TEMA PELAPORAN MAKLUMAT SOSIAL

Jadual 4 menunjukkan purata ayat bagi setiap tema sosial yang dilaporkan oleh ketiga-tiga industri sepanjang tempoh 9 tahun. Keputusan menunjukkan kesemua industri memberi tumpuan kepada tema sumber manusia dengan purata ayat yang dilaporkan ialah PI = 7.44 ayat; PP = 10.77 ayat dan PL = 3.17 ayat. Antara isu-isu sumber manusia yang dilaporkan adalah seperti keselamatan dan kesihatan pekerja, latihan pekerja, manfaat kepada pekerja, manfaat pesaraan, skim opsyen saham pekerja, polisi pengambilan dan profil pekerja, moral pekerja dan perhubungan industri. Analisis mengikut tahun turut menunjukkan peningkatan pelaporan isu-isu sumber manusia ini di dalam laporan tahunan bagi syarikat-syarikat yang dikaji.

Tema tenaga pula merupakan tema yang paling kurang dilaporkan. Tiada syarikat di dalam industri produk pengguna dan perladangan melaporkan maklumat tersebut. Manakala bagi produk perindustrian, hanya 3 syarikat sahaja yang melaporkan tema tersebut sepanjang tempoh kajian (purata ayat = 0.06).

Jadual 4 juga menunjukkan bahawa tiada syarikat di dalam industri perladangan yang melaporkan tema produk/perkhidmatan sepanjang tempoh kajian. Ini mungkin disebabkan kurangnya persaingan di dalam produk yang dihadapi oleh industri perladangan berbanding dengan industri produk pengguna dan produk perindustrian. Tambahan pula, barangan yang dikeluarkan oleh industri perladangan mempunyai segmen pasaran khusus serta dibeli oleh pembeli institusional (Teoh & Thong 1986).

Berhubung dengan tema alam sekitar, ketiga-tiga industri didapati ada melaporkan maklumat tersebut di dalam laporan tahunan. Purata ayat yang dilaporkan ialah 1.13 ayat bagi industri produk perindustrian, 0.97 ayat bagi produk pengguna dan 0.05 ayat bagi perladangan. Walau bagaimanapun, keputusan kajian ini menunjukkan bahawa tema tersebut masih belum lagi mendapat liputan yang meluas di dalam laporan tahunan. Pelaporan maklumat alam sekitar juga dilihat tidak tekal di mana berlaku turun naik sepanjang tempoh kajian di kalangan ketiga-tiga industri yang dikaji.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa syarikat-syarikat di dalam ketiga-tiga industri yang dikaji turut melaporkan maklumat sosial selain daripada maklumat yang berkaitan dengan alam sekitar, tenaga, produk/perkhidmatan, sumber manusia dan khidmat masyarakat. Antara perkara-perkara yang dilaporkan adalah berkaitan dengan penyata tambahan nilai yang menunjukkan pengagihan pendapatan syarikat di kalangan pihak-pihak yang memberi sumbangan kepada pendapatan tersebut serta laporan tentang tanggungjawab kepada pelbagai segmen masyarakat seperti pembekal dan kerajaan.

Analisis seterusnya dilakukan dengan menggunakan ujian *Friedman* dan *Wilcoxon matched-pairs signed-ranks* untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan ataupun tidak di dalam bilangan ayat yang dilaporkan bagi setiap tema tersebut. Keputusan ujian *Friedman* ditunjukkan oleh Jadual 5 dan keputusan ujian *Wilcoxon matched-pairs signed-ranks* pula ditunjukkan secara ringkas.

Berdasarkan Jadual 5, didapati bahawa perbezaan yang signifikan pada aras keertian 1% sehingga 10% dapat diperhatikan dalam hampir kesemua tahun yang dikaji. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat di dalam ketiga-tiga industri tersebut memberikan liputan yang berbeza terhadap kesemua tema sosial yang dikaji.

Tema-tema ini kemudiannya diuji semula dengan menggunakan ujian *Wilcoxon matched-pairs signed-ranks* untuk menentukan kombinasi tema-tema yang mewujudkan perbezaan tersebut. Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa perbezaan yang signifikan pada aras keertian 1% sehingga 10% ditemui apabila tema sumber manusia dibandingkan dengan tema-tema lain dalam hampir kesemua tahun yang dikaji terutamanya dari tahun 1996 sehingga 1998.

Keputusan kedua-dua ujian *Friedman* dan *Wilcoxon matched-pairs signed-ranks* yang diperolehi jelas menyokong keputusan terdahulu yang mendapati tema sumber manusia merupakan tema yang paling banyak dilaporkan oleh ketiga-tiga industri tersebut berbanding dengan tema-tema lain. Oleh itu dapatlah dirumuskan di sini bahawa peningkatan di dalam pelaporan maklumat sosial sebagaimana yang ditunjukkan oleh analisis arah aliran sebelum ini kebanyakannya disumbangkan oleh peningkatan di dalam liputan tema sumber manusia.

BUKTI PELAPORAN MAKLUMAT SOSIAL

Jadual 6 menunjukkan purata ayat bagi bukti maklumat sosial yang dilaporkan oleh setiap industri. Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa maklumat berbentuk kualitatif lebih banyak dilaporkan oleh industri produk perindustrian dan pengguna. Purata ayat bagi maklumat kualitatif yang dilaporkan untuk keseluruhan tempoh kajian (1990-1998) ialah PI = 7.15 ayat dan PP = 11.42 ayat. Jumlah ini didapati melebihi bilangan ayat yang dilaporkan bagi maklumat kewangan (PI = 3.32 ayat dan PP = 3.36 ayat) dan kuantitatif bukan kewangan (PI = 1.16 ayat dan PP = 2,76 ayat).

Keputusan yang berbeza diperolehi bagi industri perladangan. Sepertimana yang ditunjukkan oleh Jadual 6, di awal tahun-tahun kajian iaitu dari tahun 1990 sehingga 1995, maklumat kewangan lebih banyak dilaporkan berbanding dengan maklumat kualitatif dan kuantitatif bukan kewangan. Purata ayat yang dilaporkan ialah 1.78 ayat. Manakala purata ayat bagi maklumat kualitatif dan kuantitatif bukan kewangan ialah 1.35 ayat dan 0.68 ayat. Semakan yang dibuat mendapati bahawa majoriti

JADUAL 4. Purata ayat bagi setiap tema yang dilaporkan oleh industri produk perindustrian (n=15), produk pengguna (n=10) dan perladangan (n=7) dari tahun 1990 sehingga 1998

| Tahun | Alam Sekitar (Min) | | | Tenaga (Min) | | | Produk/Perkhidmatan (Min) | | | Sumber Manusia (Min) | | | Khidmat Masyarakat (Min) | | | Lain-Lain (Min) | | |
|-----------|-----------------------|------|------|-----------------|------|------|------------------------------|------|------|-------------------------|-------|------|-----------------------------|------|------|--------------------|------|------|
| | PI | PP | PL | PI | PP | PL | PI | PP | PL | PI | PP | PL | PI | PP | PL | PI | PP | PL |
| 1990 | 1.93 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 1.60 | 0.70 | 0.00 | 5.80 | 5.30 | 1.86 | 1.27 | 1.80 | 0.00 | 0.00 | 0.20 | 0.00 |
| 1991 | 1.40 | 0.90 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.73 | 1.30 | 0.00 | 6.87 | 11.60 | 2.14 | 1.47 | 0.70 | 0.00 | 0.07 | 3.30 | 0.00 |
| 1992 | 1.53 | 1.60 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.67 | 3.00 | 0.00 | 7.60 | 9.40 | 2.00 | 1.00 | 1.00 | 0.14 | 0.13 | 4.60 | 0.00 |
| 1993 | 0.80 | 0.70 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 1.27 | 1.00 | 0.00 | 5.30 | 9.20 | 2.57 | 0.93 | 0.80 | 0.29 | 0.33 | 1.70 | 0.00 |
| 1994 | 0.27 | 0.70 | 0.14 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.87 | 2.70 | 0.00 | 7.20 | 8.80 | 2.57 | 0.60 | 0.50 | 0.29 | 0.00 | 1.80 | 0.00 |
| 1995 | 1.33 | 1.70 | 0.14 | 0.27 | 0.00 | 0.00 | 1.87 | 3.10 | 0.00 | 8.33 | 11.20 | 2.57 | 0.40 | 2.90 | 0.29 | 0.33 | 1.60 | 0.29 |
| 1996 | 1.00 | 0.80 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 3.73 | 0.50 | 0.00 | 8.47 | 11.40 | 4.14 | 0.27 | 1.10 | 1.00 | 0.73 | 0.90 | 0.29 |
| 1997 | 1.33 | 0.40 | 0.00 | 0.27 | 0.00 | 0.00 | 2.20 | 1.30 | 0.00 | 8.80 | 15.90 | 4.86 | 1.20 | 5.10 | 0.86 | 2.53 | 1.90 | 0.71 |
| 1998 | 0.60 | 1.90 | 0.14 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.87 | 4.10 | 0.00 | 8.60 | 14.10 | 5.86 | 0.13 | 3.30 | 0.86 | 1.73 | 1.30 | 0.29 |
| 1990-1998 | 1.13 | 0.97 | 0.05 | 0.06 | 0.00 | 0.00 | 1.53 | 1.97 | 0.00 | 7.44 | 10.77 | 3.17 | 0.81 | 1.91 | 0.41 | 0.65 | 1.92 | 0.17 |

n = Bilangan syarikat

Min = Purata bilangan ayat yang dilaporkan

PI = Produk Perindustrian

PP = Produk Pengguna

PL = Perladangan

JADUAL 5. Keputusan ujian "friedman" bagi tema pelaporan maklumat sosial

| Tahun | Produk Perindustrian (N=15) | | Produk Pengguna (N=10) | | Perladangan (N=7) | | Keseluruhan (N=32) | |
|-----------|-----------------------------|---------|------------------------|---------|-------------------|---------|--------------------|---------|
| | Nilai Fr | Nilai P | Nilai Fr | Nilai P | Nilai Fr | Nilai P | Nilai Fr | Nilai P |
| 1990 | 15.865 | 0.007* | 22.724 | 0.000* | 15.000 | 0.010* | 45.507 | 0.000* |
| 1991 | 25.226 | 0.000* | 35.239 | 0.000* | 15.000 | 0.010* | 68.565 | 0.000* |
| 1992 | 30.907 | 0.000* | 25.539 | 0.000* | 11.000 | 0.051** | 61.838 | 0.000* |
| 1993 | 24.260 | 0.000* | 33.902 | 0.000* | 11.000 | 0.051** | 64.889 | 0.000* |
| 1994 | 38.983 | 0.000* | 27.113 | 0.000* | 8.200 | 0.146 | 70.388 | 0.000* |
| 1995 | 33.349 | 0.000* | 24.730 | 0.000* | 7.118 | 0.212 | 61.326 | 0.000* |
| 1996 | 29.398 | 0.000* | 32.615 | 0.000* | 18.861 | 0.002* | 68.158 | 0.000* |
| 1997 | 33.503 | 0.000* | 27.500 | 0.000* | 18.981 | 0.002* | 68.081 | 0.000* |
| 1998 | 33.943 | 0.000* | 29.465 | 0.000* | 17.636 | 0.003* | 75.563 | 0.000* |
| 1990-1998 | 376.949 | 0.000* | 247.241 | 0.000* | 112.836 | 0.000* | 576.902 | 0.000* |

* Signifikan pada aras keertian 1%

** Signifikan pada aras keertian 10%

maklumat sosial yang dilaporkan dalam tahun-tahun berkenaan lebih tertumpu kepada isu berkaitan dengan manfaat pesaraan. Memandangkan wujudnya keperluan peraturan di dalam Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IAS 19) yang berkuatkuasa mulai Januari 1991 berhubung dengan pelaporan maklumat tersebut, maka tidak hairanlah seandainya maklumat tersebut lebih banyak dilaporkan di dalam bentuk kewangan. Ini kerana piawaian tersebut memberikan asas dan kaedah pengiktirafan atau penilaian berkaitan dengan manfaat pesaraan yang disediakan oleh pihak syarikat. Walau bagaimanapun, arah aliran ini berubah dalam tahun 1996 sehingga 1998 di mana maklumat kualitatif lebih banyak dilaporkan berbanding dengan maklumat kewangan. Keadaan ini disebabkan oleh liputan isu-isu sosial yang lebih meluas selain daripada manfaat pesaraan seperti khidmat masyarakat, profil pekerja dan skim opsyen saham pekerja yang lebih banyak dilaporkan di dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif bukan kewangan.

Analisis lanjut dengan menggunakan ujian *Friedman* dijalankan untuk menentukan sama ada wujud perbezaan yang signifikan ataupun tidak di antara bukti pelaporan maklumat sosial yang didedahkan oleh setiap industri yang dikaji. Berdasarkan Jadual 7, perbezaan yang signifikan pada aras keertian 1% sehingga 10% ditemui dalam hampir keseluruhan tempoh kajian bagi industri produk perindustrian dan pengguna. Namun, keputusan sebaliknya ditemui bagi industri perladangan di mana perbezaan signifikan hanya ditemui di awal tahun-tahun yang dikaji (1990 sehingga 1992).

JADUAL 6. Purata ayat bagi bukti pelaporan sosial yang dilaporkan oleh syarikat-syarikat di dalam industri produk perindustrian (n=15); produk pengguna (n=10) dan perladangan (n=7)

| Tahun | Kewangan (Min) | | | Kuantitatif Bukan Kewangan (Min) | | | Kualitatif (Min) | | |
|-----------|-------------------|------|------|-------------------------------------|------|------|---------------------|-------|------|
| | PI | PP | PL | PI | PP | PL | PI | PP | PL |
| 1990 | 2.80 | 1.80 | 1.29 | 0.40 | 0.60 | 0.00 | 7.40 | 5.60 | 0.57 |
| 1991 | 2.93 | 3.60 | 1.57 | 0.93 | 2.90 | 0.00 | 6.67 | 11.30 | 0.57 |
| 1992 | 3.40 | 3.30 | 1.57 | 0.80 | 2.50 | 0.00 | 6.73 | 13.80 | 0.57 |
| 1993 | 3.00 | 2.90 | 1.57 | 0.33 | 3.00 | 0.71 | 5.33 | 7.50 | 0.57 |
| 1994 | 3.00 | 2.70 | 1.57 | 0.80 | 2.20 | 0.71 | 5.13 | 9.60 | 0.71 |
| 1995 | 2.87 | 3.80 | 1.57 | 1.47 | 3.00 | 0.71 | 8.20 | 13.70 | 1.00 |
| 1996 | 3.47 | 2.50 | 2.14 | 1.53 | 2.70 | 1.14 | 9.20 | 9.50 | 2.14 |
| 1997 | 5.13 | 5.40 | 2.29 | 1.87 | 3.90 | 1.14 | 9.33 | 15.30 | 3.00 |
| 1998 | 3.27 | 4.20 | 2.43 | 2.33 | 4.20 | 1.71 | 6.33 | 16.50 | 3.00 |
| 1990-1998 | 3.32 | 3.36 | 1.78 | 1.16 | 2.76 | 0.68 | 7.15 | 11.42 | 1.35 |

n = bilangan syarikat

PI = Produk Perindustrian

PP = Produk Pengguna

PL = Perladangan

JADUAL 7. Keputusan ujian *friedman* bagi bukti pelaporan maklumat sosial

| Tahun | Produk Perindustrian (n=15) | | Produk Pengguna (n=10) | | Perladangan (n=7) | |
|-----------|--------------------------------|---------|---------------------------|----------|----------------------|---------|
| | Nilai Fr | Nilai P | Nilai Fr | Nilai P | Nilai Fr | Nilai P |
| 1990 | 10.828 | 0.004* | 5.214 | 0.074*** | 6.000 | 0.050** |
| 1991 | 8.581 | 0.014** | 1.946 | 0.378 | 6.000 | 0.050** |
| 1992 | 9.588 | 0.008* | 3.459 | 0.177 | 7.600 | 0.022** |
| 1993 | 13.351 | 0.001* | 1.895 | 0.388 | 2.800 | 0.247 |
| 1994 | 11.756 | 0.003* | 4.919 | 0.085*** | 1.333 | 0.513 |
| 1995 | 10.651 | 0.005* | 3.941 | 0.139 | 0.444 | 0.801 |
| 1996 | 11.792 | 0.003* | 6.222 | 0.045** | 1.778 | 0.411 |
| 1997 | 7.875 | 0.019** | 6.821 | 0.033** | 2.111 | 0.348 |
| 1998 | 10.739 | 0.005* | 5.556 | 0.062*** | 3.111 | 0.211 |
| 1990-1998 | 90.017 | 0.000* | 37.348 | 0.000* | 21.681 | 0.000* |

* Signifikan pada aras keertian 1%

** Signifikan pada aras keertian 5%

*** Signifikan pada aras keertian 10%

Seterusnya data-data tersebut diuji dengan menggunakan ujian *Wilcoxon matched-pairs signed-ranks* bagi mengetahui bukti pelaporan yang paling banyak dilaporkan di dalam ketiga-tiga industri tersebut (keputusan terperinci tidak ditunjukkan). Secara umumnya, keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa bagi industri produk perindustrian dan produk pengguna, maklumat kualitatif secara signifikannya lebih banyak dilaporkan sepanjang tempoh kajian berbanding dengan maklumat kewangan dan kuantitatif bukan kewangan pada aras keertian 1% sehingga 10%. Walau bagaimanapun, keadaan berbeza ditemui dalam industri perladangan. Pada awal tahun-tahun kajian, maklumat kewangan secara signifikannya paling banyak dilaporkan pada aras keertian 5%. Keputusan untuk tahun-tahun berikutnya tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan. Ini jelas menyokong keputusan terdahulu yang mendapati berlakunya peningkatan di dalam pelaporan maklumat sosial di dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif bukan kewangan oleh syarikat-syarikat di dalam industri perladangan dalam tahun-tahun tersebut.

BERITA PELAPORAN MAKLUMAT SOSIAL

Jadual 8 memberikan maklumat tentang purata ayat yang dilaporkan mengikut berita positif dan berita negatif bagi ketiga-tiga industri yang dikaji. Sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual 8, jumlah berita positif yang dilaporkan oleh ketiga-tiga industri melebihi pendedahan berita negatif. Purata ayat bagi berita positif yang dilaporkan sepanjang tahun 1990-1998

ialah PI=11.59 ayat, PP=17.38 ayat dan PL=3.81 ayat. Jumlah ini jauh lebih tinggi berbanding dengan berita negatif yang dilaporkan iaitu PI=0.04 ayat, PP=0.16 ayat dan PL=0 ayat.

JADUAL 8. Purata ayat bagi berita positif dan berita negatif yang dilaporkan oleh industri produk perindustrian (n=15); produk pengguna (n=10) dan perladangan (n=7)

| Tahun | Berita Positif (Min) | | | Berita Negatif (Min) | | |
|-----------|----------------------|-------|------|----------------------|------|------|
| | PI | PP | PL | PI | PP | PL |
| 1990 | 10.53 | 8.00 | 1.86 | 0.07 | 0.00 | 0.00 |
| 1991 | 10.53 | 17.80 | 2.14 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| 1992 | 10.93 | 19.40 | 2.14 | 0.00 | 0.20 | 0.00 |
| 1993 | 8.60 | 13.10 | 2.86 | 0.07 | 0.30 | 0.00 |
| 1994 | 8.93 | 14.50 | 3.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| 1995 | 12.53 | 20.40 | 3.29 | 0.00 | 0.10 | 0.00 |
| 1996 | 14.20 | 14.70 | 5.43 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| 1997 | 16.33 | 24.30 | 6.43 | 0.00 | 0.30 | 0.00 |
| 1998 | 11.73 | 24.20 | 7.14 | 0.20 | 0.50 | 0.00 |
| 1990-1998 | 11.59 | 17.38 | 3.81 | 0.04 | 0.16 | 0.00 |

n = bilangan syarikat

PI = Produk Perindustrian

PP = Produk Pengguna

PL = Perladangan

Semakan yang dibuat mendapati sepanjang tempoh kajian, hanya 6 daripada 32 buah syarikat (masing-masing terdiri daripada 3 syarikat dalam industri produk pengguna dan produk perindustrian) yang dikaji mendedahkan berita negatif dan kebanyakannya menyentuh aspek sumber manusia terutamanya berkaitan dengan pengurangan pekerja. Maksimum bilangan ayat bagi berita negatif yang dilaporkan berjumlah 4 ayat.

Ujian *Wilcoxon matched-pairs signed-ranks* seterusnya dijalankan untuk menentukan sama ada wujud perbezaan yang signifikan di dalam jumlah pelaporan berita positif dan negatif oleh syarikat-syarikat yang dikaji (Jadual 9). Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa wujud perbezaan yang signifikan di antara berita positif dan berita negatif yang dilaporkan dalam hampir keseluruhan tempoh kajian. Bagi industri perladangan, tiada perbezaan yang signifikan yang ditemui di awal tahun kajian mungkin disebabkan oleh kurangnya liputan isu-isu sosial walaupun bersifat positif. Keputusan yang diperolehi menyokong keputusan terdahulu yang mendapati berita positif lebih banyak dilaporkan berbanding dengan berita negatif.

JADUAL 9. Keputusan ujian *wilcoxon matched-pairs signed-ranks* bagi berita pelaporan sosial dari tahun 1990 sehingga 1998

| Tahun | Produk Perindustrian (n=15) | | Produk Pengguna (n=10) | | Perladangan (n=7) | |
|-----------|--------------------------------|---------|---------------------------|---------|----------------------|----------|
| | Nilai Z | Nilai P | Nilai Z | Nilai P | Nilai Z | Nilai P |
| 1990 | -2.524 | 0.012** | -2.527 | 0.012** | -1.633 | 0.102 |
| 1991 | -2.524 | 0.012** | -2.805 | 0.005* | -1.604 | 0.109 |
| 1992 | -2.677 | 0.007* | -2.805 | 0.005* | -1.841 | 0.066*** |
| 1993 | -2.805 | 0.005* | -2.807 | 0.005* | -1.841 | 0.066*** |
| 1994 | -2.936 | 0.003* | -2.807 | 0.005* | -2.032 | 0.042** |
| 1995 | -3.065 | 0.002* | -2.668 | 0.008* | -2.023 | 0.043** |
| 1996 | -3.185 | 0.001* | -2.666 | 0.008* | -2.032 | 0.042** |
| 1997 | -3.181 | 0.001* | -2.803 | 0.005* | -2.023 | 0.043** |
| 1998 | -3.183 | 0.001* | -2.668 | 0.008* | -2.023 | 0.043** |
| 1990-1998 | -8.553 | 0.000* | -8.013 | 0.000* | -12.894 | 0.000* |

* Signifikan pada aras keertian 1%

** Signifikan pada aras keertian 5%

*** Signifikan pada aras keertian 10%

KESIMPULAN

Secara umumnya, keputusan kajian ini menunjukkan arah aliran yang semakin meningkat di dalam pelaporan maklumat sosial di dalam laporan tahunan di kalangan industri-industri yang dikaji. Peningkatan yang ketara dapat diperhatikan terutamanya pada pertengahan tahun 1990-an iaitu sekitar tahun 1995 sehingga 1998. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh penekanan isu-isu sosio-ekonomi seperti kebajikan pekerja, pencemaran alam sekitar serta kualiti produk serta perkhidmatan oleh pelbagai pihak terutamanya dalam tahun 1990-an. Pelbagai bentuk akta dan perundangan juga turut digubal di antaranya ialah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 dan *Occupational Safety And Health Prohibition Of Use Of Substance Order 1999*. Kesannya, isu ini mungkin menyumbang kepada peningkatan kesedaran syarikat berhubung dengan tanggungjawab sosial yang harus dimainkan. Mengikut Beattie (1983), tindakbalas organisasi ke atas perubahan nilai sosial masyarakat akan menyebabkan berlakunya perubahan secara sukarela di dalam kandungan dan persembahan laporan tahunan. Oleh itu, pelaporan sosial merupakan salah satu cara bagaimana syarikat dapat membuktikan kepada masyarakat bahawa mereka telah melaksanakan tanggungjawab tersebut. Walaupun terdapat medium pendedahan lain untuk menyampaikan maklumat sosial, namun pemilihan laporan tahunan sebagai medium utama mungkin didorong oleh pelbagai sebab. Antaranya ialah ia merupakan laporan yang dikeluarkan

di bawah pengawasan para akauntan, mempunyai tahap kredibiliti yang tinggi, mudah diperolehi, murah serta merupakan saluran komunikasi penting di dalam pembinaan imej sosial syarikat (Guthrie & Parker 1989; Epstein & Freedman 1994; Chan & Sng 1997).

Mengikut klasifikasi industri pula, didapati volum pelaporan maklumat sosial oleh industri perladangan agak rendah berbanding dengan produk perindustrian dan pengguna. Keadaan ini mungkin kesan daripada tahap keterjelasan kepada awam dan kerajaan yang agak rendah. Bagi produk perindustrian dan pengguna pula, kedua-dua industri ini menjalankan pelbagai aktiviti yang mana akan melibat orang awam secara langsung mahupun tidak langsung. Oleh itu pelaporan maklumat sosial di dalam laporan tahunan merupakan salah satu cara bagaimana syarikat-syarikat tersebut dapat membuktikan kepada masyarakat bahawa mereka telah melaksanakan tanggungjawab sosial.

Walaupun industri yang dipilih di dalam kajian ini terdiri daripada industri yang sensitif atau berpotensi untuk mencemarkan alam sekitar, namun keputusan yang diperolehi menunjukkan maklumat alam sekitar belum lagi mendapat liputan yang meluas di dalam laporan tahunan. Peningkatan pelaporan yang ditunjukkan disumbangkan terutamanya oleh peningkatan di dalam pelaporan sumber manusia. Ini seiring dengan hasil kajian oleh Davey (1982). Penekanan kepada isu sumber manusia mungkin kerana pengaruhnya yang begitu kuat untuk menentukan keberterusan perjalanan operasi syarikat serta merupakan pihak awam dalaman yang terhampir dengan syarikat selain daripada pemegang saham.

Kebanyakan maklumat sosial yang dilaporkan oleh syarikat-syarikat yang dikaji adalah berbentuk kualitatif melainkan bagi industri perladangan di mana maklumat kewangan lebih banyak dilaporkan di awal tahun-tahun yang dikaji. Ini kerana dalam tahun-tahun tersebut, majoriti maklumat sosial yang dilaporkan oleh syarikat-syarikat di dalam industri perladangan lebih tertumpu kepada isu berkaitan dengan manfaat pesaraan yang mana ianya tertakluk kepada peruntukan Piawaian Perakaunan Antarabangsa 19: Manfaat pesaraan. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat dalam industri tersebut lebih terikat dengan peraturan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, arah aliran ini berubah dalam tahun-tahun kebelakangan ini kesan daripada liputan isu-isu sosial yang lebih meluas selain daripada isu yang termaktub di dalam piawaian tersebut. Keadaan ini menyebabkan berlakunya peningkatan di dalam pelaporan maklumat yang berbentuk kualitatif. Keputusan ini menunjukkan bahawa dalam keadaan ketiadaan piawaian atau peraturan berhubung dengan asas atau kaedah pengiktirafan dan penilaian sesuatu perkara, maka maklumat berbentuk kualitatif akan lebih mendominasi berbanding dengan maklumat kewangan dan kuantitatif bukan kewangan.

Keputusan kajian ini juga menunjukkan bahawa walaupun telah timbul keinginan di kalangan syarikat untuk melaporkan maklumat sosial di dalam

laporan tahunan, namun mereka cenderung untuk melaporkan maklumat yang dapat memberikan implikasi yang baik kepada imej syarikat. Ini terbukti di mana berita positif lebih banyak dilaporkan berbanding dengan berita negatif. Hasil kajian ini selari dengan keputusan yang diperolehi oleh Deegan dan Gordon (1996), Deegan dan Rankin (1996) serta Hackston dan Milne (1998). Keputusan ini mungkin membayangkan bahawa pihak pengurusan beranggapan bahawa maklumat tersebut digunakan oleh pengguna-pengguna laporan tahunan bagi tujuan pembuatan keputusan mereka. Menurut Lay (1985), walaupun pendedahan sukarela bagi maklumat yang berbentuk negatif merupakan tanggungjawab syarikat, tetapi pendedahan yang bertujuan untuk meningkatkan imej awam dalam keadaan ketiadaan perundangan seringkali menyebabkan syarikat mengelakkan diri daripada mendedahkan maklumat tersebut.

IMPLIKASI KAJIAN

Penemuan daripada kajian ini diharapkan dapat menyumbangkan sesuatu kepada bidang perakaunan khususnya di Malaysia. Memandangkan keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan berlakunya peningkatan di dalam pelaporan maklumat sosial, maka para akauntan perlulah bersedia untuk menghadapi sebarang perubahan yang berlaku. Ini kerana sebagai satu profesyen yang ditubuhkan atas dasar memberikan perkhidmatan, mereka seharusnya meninjau kemungkinan-kemungkinan baru, bukan sahaja dari segi perubahan teknologi tetapi juga dari segi perkara-perkara yang boleh dan seharusnya didedahkan di dalam penyata-penyata kewangan (Hamzah Ismail 1983).

Syarikat pada kebiasaannya tidak akan mendedahkan sesuatu maklumat secara sukarela melainkan mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Ini kerana setiap pendedahan yang dibuat akan melibatkan kos-kos tertentu yang perlu ditanggung oleh syarikat seperti kos pengumpulan dan pemprosesan data, kos litigasi dan kos proprietari (seperti kos-kos politikal dan kelemahan bersaing) (Meek, Roberts & Gray 1995). Jadi tidak hairanlah keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa maklumat yang dilaporkan itu lebih bersifat positif dengan tujuan untuk meningkatkan imej syarikat.

Usaha-usaha tertentu perlulah diambil untuk memastikan setiap maklumat sosial yang didedahkan memberikan gambaran yang benar dan saksama. Ini kerana pelaporan yang tidak terikat dengan sebarang perundangan ataupun peraturan akan memberikan pelbagai implikasi seperti berikut:

1. Ia memberikan pilihan bebas kepada pihak syarikat untuk memanipulasikan sesuatu maklumat terutamanya maklumat yang dilaporkan di dalam bentuk kualitatif. Ini kerana maklumat kualitatif hanya mengenal-pasti tindakan-tindakan yang diambil oleh syarikat. Oleh itu, pendedahan sebegini terdedah kepada subjektiviti dan manipulasi. Manipulasi data yang dimaksudkan

mungkin di dalam bentuk penyembunyian sesetengah maklumat yang boleh menjejaskan imej syarikat ataupun penonjolan maklumat-maklumat yang dapat meningkatkan imej syarikat.

2. Masalah persembahan maklumat yang tidak seragam. Keadaan ini tidak sahaja akan menyulitkan para pengguna laporan tahunan menilai prestasi sesebuah syarikat tetapi juga menyebabkan timbulnya kesukaran untuk membuat perbandingan prestasi di antara satu syarikat dengan syarikat yang lain.

3. Menimbulkan kesangsian di pihak pengguna laporan kewangan berhubung dengan kebenaran dan kesaksamaan maklumat yang dilaporkan. Ini merujuk kepada persoalan sama ada aktiviti sosial yang didedahkan adalah apa yang sebenarnya dilaksanakan ataupun sebaliknya.

Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, maka adalah dirasakan bahawa satu garis panduan atau peraturan di dalam pelaporan maklumat sosial diperlukan. Ini bertujuan untuk mewujudkan keseragaman di dalam pelaporan maklumat tersebut. Dengan wujudnya keseragaman ini, maka diharapkan pelaporan maklumat sosial yang lebih bersistematik, berkualiti serta bermakna dapat dibangunkan. Dalam konteks ini, keseragaman yang dimaksudkan bukanlah untuk mewajibkan setiap entiti perniagaan menggunakan format tertentu sahaja di dalam pelaporan maklumat sosial, tetapi ianya mungkin lebih bersifat sebagai panduan mengenai apa, di mana dan bagaimana maklumat tersebut perlu didedahkan. Badan penetap piawaian seperti Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), mungkin juga boleh mempertimbangkan untuk mewajibkan syarikat-syarikat di dalam industri tertentu seperti industri yang operasinya memberi kesan yang signifikan kepada alam sekitar untuk melaporkan maklumat tersebut secara khusus.

RUJUKAN

- Accounting Standards Steering Committee (ASSC). 1975. *The Corporate Report*. London: ICAEW.
- American Institute of Certified Public Accountants. 1973. *Objectives of Financial Statements*. New York: AICPA.
- Beattie, V. 1989. The changing face of the annual report. *Management Accounting*, Februari: 36-38.
- Belkaoui, A. & Karpik, P.G. 1989. Determinants of the corporate decision to disclose social information. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* 2(1): 36-51.
- Chan Sow Lin & Sng Gek Neo. 1997. A study on annual report disclosures: Preparers' perspective. *Akauntan Nasional*, Februari/Mac: 15-17.
- Davey, H.B. 1982. *Corporate social responsibility disclosure in New Zealand: An empirical investigation*. Occasional Paper 52. Massey University, Palmerston North.

- Deegan, C. & Gordon, B. 1996. A study of the environmental disclosure practices of Australian corporations. *Accounting and Business Research* 26(3):187-199.
- Deegan, C. & Rankin, M. 1996. Do Australian companies report environmental news objectively? An analysis of environmental disclosures by firms prosecuted successfully by the Environmental Protection Authority. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* 9(2): 52-69.
- Deegan, C. & Rankin, M. 1997. The materiality of environmental information to users of annual reports. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* 10(4): 562-583.
- Epstein, M.J. & Freedman, M. 1994. Social disclosure and the individual investor. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* 7(4): 94-109.
- Eric, W. K. T. 1998. A longitudinal study of corporate social reporting in Singapore: The case of the banking, food and beverages and hotel industries. *Accounting, Auditing & Accountability Journal* 11(5): 624-635.
- Foo, S.L & Tan, M.S. 1988. A comparative study of social responsibility reporting in Malaysia and Singapore. *Singapore Accountant*, August: 12-15.
- Glaotier, M. W. E. & Underdown, B. 1997. *Accounting theory and practice*. Ed. Ke 6. London: Pitman Publishing.
- Gray, R., Kouhy, R. & Lavers, S. 1995a. Corporate social and environmental reporting: A review of the literature and a longitudinal study of UK disclosure. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* 8(2): 47-77.
- Gray, R., Kouhy, R. & Lavers, S. 1995b. Constructing a research database of social and environmental reporting by UK companies. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* 8(2): 78-101.
- Gray, R., Owen, D. & Adams, C. 1996. *Accounting and accountability: Changes and challenges in corporate social and environmental reporting*. London: Prentice Hall.
- Gray, R., Owen, D. & Maulders, K. 1987. *Corporate social reporting: Accounting and accountability*. London: Prentice-Hall.
- Gray, R., Owen, D. & Maulders, K. 1988. Corporate social reporting: Emerging trends in accountability and the social contract. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* 1(1): 6-20.
- Guthrie, J. & Mathews, M. R. 1985. Corporate social accounting in Australasia. *Research in Corporate Social Performance and Policy* 7: 251-277.
- Guthrie, J. & Parker, L. D. 1989. Corporate social reporting: A rebuttal of legitimacy theory. *Accounting and Business Research* 19(76): 343-352.
- Guthrie, J. & Parker, L. D. 1990. Corporate social disclosure practice: a comparative international analysis. *Advances in Public Interest Accounting* 3: 159-175.
- Hackston, D. & Milne, M. J. 1996. Some determinants of social and environmental disclosures in New Zealand companies. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* 9(1): 77-108.
- Hamzah Ismail. 1983. Pendedahan dalam perakaunan di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*: 21-42.
- Harte, G. & Owen, D. 1991. Environmental disclosure in the annual reports of British companies: A research note. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* 4(3): 51-61.
- Ho Sow Kin. 1986. Corporate social responsibility disclosures in Malaysia. *Akauntan Nasional*, Januari: 4-8.

- Ingram, R. & Frazier, K. 1980. Environmental performance and corporate disclosure. *Journal of Accounting Research* 18(2): 614-621.
- Ingram, R.W. 1978. An investigation of the information content of (certain) social responsibility disclosure. *Journal of Accounting Research* 16(2): 270-285.
- International Accounting Standard 19: *Accounting For Retirement Benefits In The Financial Statements Of Employers*.
- Krippendorff, K. 1980. *Content analysis: An introduction to its methodology*. London: Sage.
- Lay, W.N. 1985. *Social responsibility disclosures of selected New Zealand companies for 1981, 1982 and 1983*. Occasional Paper No. 54. Massey University, Palmerstone North.
- Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MACPA). 1999. *Presentation of financial statements*. Kuala Lumpur: MACPA.
- Meek, G.K., Roberts, C.B. & Gray, J. 1995. Factors influencing voluntary annual report disclosures by U.S., U.K. and Continental European multinational corporations. *Journal of International Business Studies* 26(3): 555-573.
- Milne, M. J. & Adler, R. W. 1999. Exploring the reliability of social and environmental disclosures through content analysis. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* 12(2): 237-256.
- Mohd. Khir Ashari. 1991. Perakaunan. Dlm. Sheikh Ghazali & Zambry Abdul Kadir. (pnyt.). *Pengurusan perniagaan Islam*, hlm. 307-331. Shah Alam: Hizbi.
- Muhd. Kamil Ibrahim. 1994. Perakaunan sosial dan alam sekitar. *Dewan Ekonomi*, Ogos : 23-24.
- Teoh Hai-Yap & Gregory Thong Tin Sin. 1986. Another look at corporate social responsibility and reporting: An empirical study in a developing country. *Malaysian Management Review* 21(3): 36-51.
- Tilt, C. A. 1994. The influence of external pressure groups on corporate social disclosure: Some empirical evidence. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* 7(4): 42-72.
- Trotman, K. T. & Bradley, G. W. 1981. Associations between social responsibility disclosure and characteristics of companies. *Accounting, Organizations and Society* 6(4): 355-362.
- Zeghal, D. & Ahmed, S.A. 1990. Comparison of social responsibility information disclosure media used by Canadian firms. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* 3(1): 38-53.

Jabatan Perakaunan
Fakulti Pengurusan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.E.
Malaysia